

26/03/2000

Wakil Jerlun ketepi pencalonan pakej

AYER HITAM: Persidangan perwakilan Umno bahagian Jerlun semalam menarik perhatian apabila perwakilan menolak cadangan Jawatankuasa Bahagian untuk membuat pencalonan jawatan Majlis Tertinggi (MT) secara pakej.

Selepas Ketua Bahagian Datuk Hanafi Ramli bangun untuk mengemukakan senarai calon, beberapa perwakilan membantah dan meminta pencalonan untuk semua jawatan dibuka kepada perwakilan.

Pengerusi Tetap Persidangan, Ahmad Din kemudian meminta diadakan pengundian terbuka bagi menentukan sama ada cadangan Hanafi diterima atau sebaliknya.

Apabila pengundian secara angkat tangan dilakukan, lebih separuh daripada 402 perwakilan bersetuju pencalonan dibuka kepada perwakilan dan pengundian diadakan secara angkat tangan.

Selepas itu, perwakilan mengemukakan cadangan satu persatu untuk jawatan Pengerusi Tetap sehingga tiga jawatan Naib Presiden.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap, pencalonan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dipersetujui sebulat suara. Perwakilan juga sebulat suara mencalonkan Ahmad sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga dipilih sebulat suara untuk dicalonkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun, bagi tiga jawatan Naib Presiden, tujuh calon dikemukakan. Mereka ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selepas pengundian secara angkat tangan Najib yang mendapat 245 undi, Syed Hamid (240 undi) dan Abdul Ghani (142 undi) dipilih sebagai calon untuk jawatan berkenaan.

Bagi 25 calon MT, senarai yang dikemukakan oleh perwakilan diterima sebulat suara selepas percubaan untuk menambah beberapa nama ditolak perwakilan.

Timbalan Ketua bahagian, Abdul Rahman Ariffin ketika ditemui berkata, apa yang berlaku dalam persidangan bahagian itu adalah bukti bahawa Umno mengamalkan demokrasi.

(END)